

16 FEB 2003

Khalil-Perhimpunan

TARIKH PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DIPUTUSKAN SELEPAS MESYUARAT CAW/BHG  
SELESAI

KEPALA BATAS, 16 Feb (Bernama) -- Tarikh perhimpunan agung Umno tahun ini akan diputuskan oleh Majlis Tertinggi (MT) parti selepas semua cawangan dan bahagian selesai mengadakan mesyuarat agung tahunan mereka, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata cadangan sama ada mahu mengadakan perhimpunan itu pada Jun atau selepas bulan berkenaan boleh dijadikan sebahagian daripada agenda mesyuarat MT pada masa akan datang.

Kebiasaannya agenda mesyuarat MT dibincangkan terlebih dahulu oleh jawatankuasa pengurusan parti dan yakin soal tarikh perhimpunan itu pasti akan dibangkitkan pada peringkat itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan serentak persidangan cawangan-cawangan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Bahagian Kepala Batas, di sini hari ini. .

"Saya tidak boleh jawab sama ada perkara ini akan dibincangkan pada mesyuarat MT akan datang atau tidak kerana mesyuarat itu belum diadakan lagi. Bagaimanapun, tentu akan ada orang yang bertanya dan membangkitkan perkara ini kelak," katanya.

Beliau mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Ketua Umno Bahagian Kepala Batas pada majlis itu.

Khalil berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan sesetengah pihak supaya perhimpunan agung Umno yang dijadualkan pada Jun ini, ditangguhkan ke bulan Oktober supaya ia menjadi acara penting yang terakhir untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum beliau mengundur diri.

Sekiranya perhimpunan itu ditangguhkan ke bulan Oktober, akan membolehkan Umno mengatur satu majlis perpisahan yang penuh bererti buat pemimpin mereka dan juga pemimpin negara yang dihormati dan dikagumi itu.

Selain itu, Khalil berkata Umno perlu bertindak pantas menyusun strategi pilihan raya bagi memastikan sokongan padu kepada parti itu dan juga Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Antara strategi yang diberi tumpuan pada ketika ini ialah menyelesaikan isu-isu yang mungkin akan dieksploitasi oleh pembangkang seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris serta isu kafir-mengkafir, katanya.

"Kita tidak mahu PAS menjadikan isu-isu ini sebagai "kubu" mereka untuk mengumpul bahan untuk melemahkan Umno," katanya.

Terdahulu, beliau berkata kajian parti mendapati sokongan rakyat kepada Umno tetap ada tetapi mereka ini dikelirukan dengan pelbagai isu oleh parti pembangkang dan menyebabkan keyakinan mereka sedikit goyah.

Oleh itu, beliau mahu anggota parti membuat penjelasan kepada orang ramai mengenai sebarang isu yang dibangkitkan dan memberikan maklum balas yang lebih tepat kepada parti bagi membolehkan strategi yang lebih kemas dibuat untuk memastikan kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

ZU RHM